



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Januari – Mac 2024



**MALAYSIA
MADANI**



JabatanLautMalaysia



@lautmy



jabatanlaut

TAHUN MELAWAT PERLIS (TMP) 2024-2025: JOM PAKAT PI PERLIS - PERLIS *THE UNDENIABLE CHARM*

2 Januari 2024 – Encik Mohamad Nazim Kamil bin Mohd Halimi, Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis bersama Encik Muhd Khairul Azhar bin Yacob serta pegawai dari Pejabat Laut Negeri Perlis mengiringi YB Tuan Hj. Razali bin Saad, ADUN Simpang Empat menyambut serta meraikan pelancong dan pelawat yang mengunjungi Negeri Perlis melalui Terminal Penumpang dan RORO Kuala Perlis pada 1 Januari 2024. Lebih 100 ribu pengunjung melancong ke Perlis bagi tempoh 2 minggu cuti sekolah dan cuti umum yang berakhir pada tarikh yang sama semalam dan Kerajaan Negeri optimis akan mencapai sasaran 3.5 juta pelancong sempena TMP tahun ini.



LANGKAWI INTERNATIONAL YACHT REGISTRY (LIYR) - PEJABAT PENDAFTAR LIYR RAIH KUTIPAN RM 1.4 JUTA HASIL DEDIKASI PEGAWAI, PEMILIK DAN AGEN

3 Januari 2024 – Ahmad Mustaqim bin Abdul Rahim bersama-sama pasukan beliau dari Pejabat Pendaftar LIYR Langkawi Bandaraya Pelancongan menjalankan pemeriksaan untuk mendaftarkan kapal layar OCEAN MAGIC, QUEEN DAANYA dan SEA SPLASH bagi memenuhi permintaan industri *sunset cruise* di pulau peranginan terkemuka di utara Semenanjung Malaysia itu. Pejabat LIYR ini melakar prestasi cemerlang dengan meraih kutipan hasil sebanyak RM 1.429 juta pada tahun kewangan 2023 melebihi RM 1.152 juta yang dikutip pada tahun 2022 hasil dedikasi dan semangat tinggi pegawai- pegawai Pejabat Pendaftar LIYR ini dengan kerjasama semua pemilik dan agen terlibat.

KOLABORASI JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU BAGI PENGANJURAN KURSUS KESELAMATAN DAN KOMUNIKASI MARITIM



4 Januari 2024 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur (JLMWT) telah menjalinkan kerjasama bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam penganjuran Kursus Keselamatan dan Komunikasi Maritim yang melibatkan penyertaan daripada pengusaha bot penumpang di muara Sungai Terengganu. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap keselamatan pelayaran kepada pengusaha bot penumpang setempat selain turut memberi pendedahan kepada Pelajar tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Nautika UMT. Wakil Pegawai JLM Wilayah Timur diketuai oleh Puan Nor Bahirah binti Muhd Razali selaku Ketua Bahagian Operasi Maritim dan pegawai-pegawai JLM Wilayah Timur turut hadir bersama. En. Zabur Han bin Hassan, Penolong Pegawai Laut turut terlibat dalam menyampaikan ceramah bagi slot ke-2 kursus ini. Selain itu, program ini turut diselitkan dengan latihan praktikal di atas bot dan program tanggungjawab sosial korporat iaitu membersihkan muara Sungai Terengganu.

USAHA TINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH BELANJA ISI RUMAH PELAUT TERUS JADI TUMPUAN JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)



5 Januari 2024 – Encik Nazri bin Fadzil, Pemeriksa Ujian Lisan JLM Wilayah Utara melaksana ujian lisan ke atas sebahagian daripada 114 peserta yang selesai mengikuti kursus *Mate of Less than 500GT Domestic Voyages* anjuran Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad di Langkawi Bandaraya Pelancongan hujung Disember tahun 2023 lalu. Usaha meningkatkan pendapatan boleh belanja isi rumah pelaut melalui pendidikan kemahiran teknikal terus menjadi tumpuan JLM pada tahun 2024 khususnya untuk membantu golongan paling memerlukan seperti pelaut yang berpendapatan rendah dan yang tinggal di kawasan kampung, pendalaman dan luar bandar.



LE TONG DEFENSOR DAN LE TONG BUMBLE BEE - KEMENANGAN BUAT PELAUT

6 Januari 2024 - Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara bersama pasukan beliau melakar kemenangan dalam usaha berterusan memelihara kebajikan pelaut apabila berjaya menyelesaikan isu gaji tertunggak kru kapal LE TONG DEFENSOR dan LE TONG BUMBLE BEE yang berlabuh dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang. Kejayaan ini dicapai hasil kerja keras dan kerjasama erat pegawai-pegawai JLM Wilayah Utara bersama pemilik, *National Union of Seafarers of Peninsular Malaysia (NUSPM)*, Atase Perhubungan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur dan Emmerich Insurance Services.



INTER VTS EXCHANGE FORMAT (IVEF) - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) PERKASA PERKHIDMATAN TRAFIK VESEL DENGAN DATA 12 LOKASI RADAR



6 Januari 2024 - YBr. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) menzahirkan rasa syukur atas kerjasama erat bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengintegrasikan data IVEF dari 12 lokasi radar miliknya dengan JLM supaya Perkhidmatan Trafik Vesel JLM menerima maklumat jitu masa sebenar kedudukan kapal-kapal yang tidak menyiarkan isyarat *Automatic Identification System (AIS)*. IVEF adalah merupakan format data piawai yang membolehkan pertukaran maklumat diantara pelbagai infrastruktur di daratan kepada Perkhidmatan Trafik Vesel yang digunakan untuk memelihara keselamatan pelayaran di laut.

GENERASI MUDA PELAUT PERLU ANJAKAN PARADIGMA SUPAYA TIDAK KETINGGALAN

7 Januari 2024 – Tn. Hj. Abd Majid bin Hj. Rais, Pengarah Laut Wilayah Timur bersama En. Mohd. Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) meninjau Makmal Sains Nautika Universiti Malaysia Terengganu yang mempunyai rangkaian fasiliti simulator terkini seperti *Full Mission Ship Handling*, *Ship Stability & Cargo Handling*, *Electronic Aids to Navigation*, *Global Maritime Distress & Safety System*, *Terrestrial & Celestial Navigation* serta *Vessel Traffic System*. Jabatan Laut Malaysia (JLM) sentiasa memberi keutamaan dan merangka strategi untuk memperkasa kualiti generasi muda pelaut Malaysia supaya berkembang maju untuk mendepani cabaran masa kini dan akan datang seperti digitalisasi, kecerdasan buatan dan *Maritime Autonomous Surface Ship* (MASS).



MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI DAN BACAAN IKRAR BEBAS RASUAH BERSAMA TIMBALAN PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA



9 Januari 2024 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara menganjurkan majlis perhimpunan pagi yang sarat makna, termasuk bacaan ikrar bebas rasuah bersama Timbalan Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, En. Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman. Dalam semangat menyambut tahun baharu, Timbalan Pengarah Laut memberikan amanat yang penuh inspirasi kepada pegawai dan kakitangan, menekankan pentingnya pengurusan kewangan dan aset yang baik dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan kepada semua warga Jabatan. Dalam langkah proaktif untuk mengiktiraf kecemerlangan, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara juga mengadakan sesi penganugerahan sijil penurunan kuasa di bawah Seksyen 488 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan Jabatan Laut Malaysia dalam membina lingkungan kerja telus, profesional dan beretika. Bersama-sama, kami melangkah maju dalam tahun baharu 2024 dengan tekad untuk mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan kepada kakitangan dan pelanggan.

LAWATAN KERJA PENGARAH LAUT WILAYAH TIMUR KE KUALA TERENGGANU SUPPORT BASE (KTSB)

10 Januari 2024 – Tn. Hj. Abd. Majid Bin Hj. Rais, Pengarah Laut Wilayah Timur bersama Penolong Pengarah, Pejabat Laut Kuala Terengganu, En. Abdul Jalil Bin Shayuki dan En. Zabur Han Bin Hasan, Penolong Pegawai Laut telah mengadakan lawatan ke KTSB. En. Farisa Bin Mohd, Pengurus dan juga *Marine Facility Security Officer (MFSO)* KTSB, Mohamad Rafie Bin Abdullah Zawawi, Operation Executive dan juga penolong *Marine Facility Security Officer (MFSO)* KTSB dan Mohd Izad Izuddin Bin Aziz, Jurutera Projek PBKSB telah memberi penerangan berhubung dengan operasi KTSB.



KTSB merupakan kemudahan pangkalan sokongan untuk pertukaran kru yang berkhidmat di pelantar minyak. KTSB diuruskan oleh Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd (PBKSB), anak syarikat EPIC Berhad yang merupakan syarikat milik penuh kerajaan Negeri Terengganu. KTSB mula beroperasi pada 1 Januari 2024. Selain daripada perkhidmatan pertukaran kru, KTSB juga menyediakan perkhidmatan membekal *bunker*, bekalan air dan *provision* kepada kru bot berkelajuan tinggi untuk kegunaan industri minyak dan gas. Kemudahan KTSB telah mematuhi kod *International Ship and Port Facility Security (ISPS)*, keperluan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Jabatan Kesihatan Negeri.

KERJASAMA DAN PERKONGSIAN KEMAHIRAN PELAKSANAAN TUGAS PORT STATE CONTROL & FLAG STATE CONTROL



10 Januari 2024 – Pasukan *Port State Control Officers (PSCOs)* dari JLM Wilayah Selatan melaksanakan Program Pengukuhan *Port State Control & Flag State Control* ke atas kapal-kapal berpendaftaran asing dan berpendaftaran Malaysia di dalam Had Pelabuhan Tanjung Pelepas, Had Pelabuhan Johor Bahru dan Had Pelabuhan Kukup. Program ini berlangsung selama dua hari bermula dari 10-11 Januari 2024 dengan kerjasama para pegawai daripada Bahagian Operasi Maritim, Ibu Pejabat Laut (IPL), Bahagian Kawalan Industri Maritim IPL dan Unit Integriti IPL.

Objektif program ini adalah untuk memastikan setiap kapal yang berlabuh dan beroperasi di perairan negeri Johor adalah selamat serta mematuhi peraturan, konvensyen antarabangsa dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Selain itu, program ini juga bagi memastikan kapal-kapal yang memasuki had pelabuhan mematuhi Akta Dius Api Persekutuan 1953.



GUNDAH BERDEPAN 4 HARI TIADA BEKALAN AIR DI PULAU PINANG - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SENTIASA BERSEDIA KENDALIKAN PERTAMBAHAN PELANCONG

10 Januari 2024 - Petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Perak mengawal selia pergerakan penumpang yang menggunakan pengangkutan feri dan fasiliti Terminal Penumpang Pangkor Pulau Bebas Cukai di Perak. Gangguan bekalan air selama 4 hari di hampir keseluruhan negeri Pulau Pinang bermula hari ini 10 Januari 2024 dan JLM sentiasa bersedia sekiranya terdapat pertambahan pelancong yang menggunakan mod pengangkutan laut untuk melancong ke destinasi peranginan di negeri lain seperti ke Pangkor Pulau Bebas Cukai.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) RANCANG PERTINGKAT SISTEM TERHUBUNG, TEKNOLOGI TERKINI BAGI PACU PENGANGKUTAN LAUT MALAYSIA

11 Januari 2024 - Pengarah daripada Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim, Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran, Bahagian Operasi Maritim serta pasukan masing-masing mendengar taklimat teknologi marin terkini dari En Tony Haugen, Pengarah Urusan Kongsberg Norcontrol Pte. Ltd. yang beribu pejabat di Kongsberg, Norway. Masa depan industri pengangkutan laut Malaysia kelihatan cerah sejajar dengan visi jelas Jabatan Laut Malaysia (JLM) bagi mewujudkan sistem infrastruktur pengangkutan laut moden yang lebih terhubung serta komitmen terhadap penggunaan teknologi terkini.



ASPEK PENDIGITALAN PERKHIDMATAN UNTUK TINGKATKAN DAYA SAING ADALAH KEUTAMAAN JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

11 Januari 2024 – Petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Selangor masih memberi perkhidmatan kepada orang ramai secara bersemuka di kaunter walaupun telah mula memperkenalkan beberapa aspek pendigitalan di dalam perkhidmatan JLM. Aspek pendigitalan dalam perkhidmatan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 serta kecerdasan buatan merupakan keutamaan pegawai dan pelaksana JLM agar seiring dengan perkembangan semasa.



KUNJUNGAN HORMAT AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) KE JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) WILAYAH UTARA

11 Januari 2024 – Kehadiran yang penuh bermakna kepada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara ketika Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Pulau Pinang mengadakan kunjungan hormat. Dalam suasana penuh keakraban, Kdr. Maritim Nak Rong Al Si Prom, yang turut memegang peranan sebagai Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, bersama dengan kumpulan rakan seperjuangan, menjalin hubungan erat di antara dua entiti maritim yang memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan maritim. Tidak ketinggalan, turut hadir menyambut lawatan tersebut ialah Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, En. Muhammad Shuhaimi Bin Abd Rahman yang menerima kunjungan dengan penuh semangat dan dedikasi. Pertemuan ini tidak sekadar menjadi acara biasa, tetapi menjadi platform berharga dimana pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara (JLMWU) berkongsi pandangan mendalam mengenai cabaran dan peluang di bidang maritim.



Dalam suasana yang penuh kesungguhan, pihak APMM dengan tulus berkongsi mengenai masalah yang dihadapi, membawa bersama pengalaman dan pengetahuan yang luas. Setaraf dengannya, pihak JLM Wilayah Utara turut menyumbang pandangan serta pendapat mereka, membuka ruang untuk perbincangan terperinci dan bersepadu. Inisiatif dialog ini mencerminkan semangat kerjasama dan kebersamaan yang melekat dalam usaha bersama menjaga kedaulatan maritim. Melalui kolaborasi ini, diharapkan pemahaman bersama terhadap isu-isu maritim dapat diwujudkan dan membentuk landskap maritim yang lebih selamat serta stabil di Wilayah Utara.

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

12 Januari 2024 – Warga Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) secara telesidang yang telah disampaikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Pada majlis ini, YB Menteri Pengangkutan menyeru agar warga Kementerian Pengangkutan dan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan agar terus beriltizam dan bertanggungjawab dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti. Tahun 2023 telah menyaksikan pelbagai kejayaan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOT dan usaha ini perlu



diteruskan pada tahun 2024 bagi menjayakan pelaksanaan 216 lagi inisiatif kementerian dan empat (4) fokus utama kementerian. Hadir secara fizikal dalam majlis Amanat Tahun Baharu di Dewan Serbaguna MOT adalah YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi), JLM dan pegawai-pegawai JLM.

LAWATAN KERJA PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERKAPALAN DAN PELAUT (BPPP) KE UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (UTeM), MELAKA



12 Januari 2024 – Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Pengarah BPPP dan Puan Nur Farahin binti Mohd Zaid, Penolong Pengarah BPPP, melawat UTeM, sebuah universiti pengkhususan dalam kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi. Lawatan ini bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam pembangunan program latihan berkaitan dengan piawaian maritim dan memastikan modul latihan sejajar dengan keperluan *International Convention on Training Standards, Certification and Watchkeeping (STCW) Convention*. Kerjasama ini penting bagi universiti untuk menawarkan latihan berkualiti tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan maritim, selaras dengan piawaian antarabangsa. Kerjasama antara JLM dan UTeM merupakan langkah penting ke arah memastikan program latihan universiti memenuhi piawaian antarabangsa dan keperluan industri maritim.

SAMBUTAN PESTA PONGGAL 2024 - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SIAP SIAGA KAWAL SELIA TERMINAL PENUMPANG



14 Januari 2024 – Petugas Pejabat Laut Negeri Perak meningkatkan kawal selia ke atas penumpang feri yang menggunakan fasiliti Terminal Penumpang Lumut untuk pergi ke Pangkor Pulau Bebas Cukai, Manjung, Perak bagi menjaga kesejahteraan orang ramai dan memastikan kelancaran operasi pengangkutan feri penumpang. Masyarakat India akan menyambut Pesta Menuai Padi yang dikenal sebagai Pesta Ponggal pada 15 Januari 2024 dan Sambutan ini diadakan setiap tahun pada hari pertama bulan 'Thai' mengikut kalendar Tamil sebagai tanda meraikan hasil pertanian dengan harapan tuaian pada tahun berikutnya akan lebih baik.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) PERKUKUH MUTU PERKHIDMATAN MELALUI TEKNOLOGI TERKINI

15 Januari 2024 – YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) mengetuai delegasi Malaysia semasa mempengerusikan Mesyuarat Persediaan *Tripartite Technical Experts Group (TTEG)* ke - 46 (lanjutan) secara dalam talian yang dijadual akan berlangsung pada 30 - 31 Januari 2024 di Singapura. Penggunaan teknologi terbaru dalam pengurusan trafik pengangkutan laut antarabangsa di Selat Melaka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan JLM bagi memastikan keselamatan pelayaran kepada pengguna Selat diperkukuh melalui transformasi digital sistem pengurusan navigasi pintar menggunakan teknologi IR4.0.



LEMBAGA DIUS API (LDA) KOMITED TERUS CEMERLANG TATAKELOLA 2024

15 Januari 2024 – YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Pengerusi Lembaga Dius Api (LDA) yang juga merupakan Ketua Pengarah Laut Malaysia menzahirkan rasa syukur beliau sebaik saja diumumkan cemerlang dalam dokumentasi pengurusan perolehan 2023 LDA dalam Laporan Pematuhan Naziran Unit Integriti Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pengurusan Tertinggi LDA berazam meneruskan pelaksanaan tatakelola yang lebih komprehensif berteraskan prinsip meningkatkan kebertanggungjawaban dan amalan nilai sebagai budaya kerja pengurusan LDA pada tahun 2024.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SENTIASA CARI FORMULA TAMBAH BAIK TATAKELOLA MELAKSANA POLISI PENGANGKUTAN LAUT

16 Januari 2024 – YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) mempengerusikan Sesi Libat Urus bersama pihak industri maritim bagi mendapatkan pandangan industri dalam memastikan pelaksanaan polisi pengangkutan laut mencapai sasaran dan memenuhi matlamat memberi keuntungan kepada pengguna. JLM sentiasa mencari formula bagi menambah baik tatakelola sebagai agensi kawal selia ke arah meningkatkan daya saing Negara di arena pengangkutan laut antarabangsa.



KUNJUNGAN HORMAT PELITA AKADEMI KE ATAS KETUA PENGARAH LAUT

16 Januari 2024 - Pengarah Urusan dan barisan pengurusan tertinggi Pelita Akademi telah membuat kunjungan hormat ke atas YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM). Mengiringi Ketua Pengarah Laut adalah Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut (BPPP). Pelita Akademi telah memberi taklimat berkenaan laporan aktiviti dan perkhidmatan sepanjang tahun 2023 serta memberi taklimat perancangan berkenaan aktiviti dan perkhidmatan Institut Latihan Maritim (ILM) itu untuk tahun 2024. Pelita Akademi turut berbincang berkenaan aspek latihan dan pendidikan maritim negara. Pelita Akademi merupakan salah sebuah ILM yang mempunyai akreditasi oleh JLM yang amat signifikan dalam melentur susur-galur profesionalisme kerjaya seseorang pelaut. Industri perkapalan negara dan global mengiktiraf pelaut-pelaut lulusan ILM tempatan. Selain menyokong proses pembangunan kerjaya rakyat di arena kelautan, ILM turut menyumbang ke arah perkembangan sukatan latihan maritim.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) TUMPU TINGKATKAN KUALITI HIDUP PELAUT

16 Januari 2024 - YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) bersama En. Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara dan pegawai-pegawai JLM Wilayah Utara meraikan 114 pelaut tempatan Langkawi Bandaraya Pelancongan yang lulus ujian lisan untuk memiliki perakuan kekompetenan *Mate of Less than 500GT Domestic Trade Voyages* dalam satu majlis ringkas. Secara purata, setiap seorang pemegang perakuan kekompetenan ini boleh menerima pendapatan minima RM 2,500 atau lebih dan JLM akan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti hidup pelaut dengan mewujudkan peluang pendapatan yang berkualiti serta inklusif secara menambah baik pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (TVET) berkaitan pelaut.



TAKLIMAT KEPERLUAN PERMIT DAN PERMIT KHAS DIBAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN, 1961

17 Januari 2024 – Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah mengadakan Taklimat Keperluan Permit Dan Permit Khas Dibawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Taklimat ini diadakan bagi memberi pendedahan dan juga penjelasan terhadap berberapa perkara berkaitan permit bagi pembelian barang terkawal seperti petrol dan diesel. Taklimat ini telah disampaikan oleh wakil dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) iaitu Puan Siti Norazrin binti Aman, Pegawai Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasa Seksyen Kawalan Bekalan. Taklimat ini dianjurkan bersama dengan Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan (BPLP) JLM. Peserta taklimat ini terdiri daripada pegawai-pegawai dari bahagian dan wilayah yang terlibat secara langsung dalam pembelian barang terkawal. Terdapat pelbagai persoalan yang telah dilontarkan oleh peserta berkaitan dengan permit khas barang terkawal dan telah sedikit sebanyak memberi input kepada peserta dalam memastikan tatakelola pembelian barang terkawal ini mengikut akta dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak KPDN.



PERAYAAN THAIPUSAM 2024 - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) OPTIMUM KESELESAAN PENGGUNA TERMINAL PENUMPANG

18 Januari 2024 – Kru bot pelbagai guna JLM – MV SUHAIL bersama pasukan Ketua Pejabat Laut Langkawi Bandaraya Pelancongan memindahkan 100 tempat duduk dari Terminal Penumpang Langkawi ke Terminal Penumpang Kuala Kedah sebagai satu usaha memberi keselesaan lebih optimum kepada pengguna kedua-dua terminal. JLM menjangkakan pengguna Terminal Penumpang di Langkawi, Kuala Kedah dan Kuala Perlis akan meningkat mulai 24 hingga 27 Januari 2024 (Rabu – Sabtu) sempena Perayaan Thaipusam 2024.





JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) KOMITED KEKALKAN POTENSI SANGAT BAIK PELABUHAN-PELABUHAN MALAYSIA


18 Januari 2024 - Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Tengah dan JLM Wilayah Selatan memastikan tahap ketersediaan terbaik pelampung pandu alur navigasi kapal masing-masing di Pelabuhan Klang, Selangor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor. JLM komited mengekalkan tahap ketersediaan alat bantuan pelayaran melebihi 98% bagi mengekalkan potensi pelabuhan Malaysia di tahap sangat baik dengan prestasi Pelabuhan Klang di kedudukan ke - 11 dan PTP di kedudukan ke - 15 pelabuhan terbaik dunia.

JLM WILAYAH SELATAN KOMITED DALAM MENINGKATKAN KOMPETENSI PELAUT MENERUSI PELAKSANAAN KURSUS *MATE OF LESS THEN 500 GT DOMESTIC VOYAGES*

18 Januari 2024 - Menyedari akan kepentingan Jabatan dalam meningkatkan kompetensi pelaut, pasukan dari JLM Wilayah Selatan telah berjaya mengadakan kursus tersebut hasil kolaborasi dengan Syarikat Centre of Maritime Excellent Sdn. Bhd. Kursus tersebut yang telah diadakan di Telok Penyabong Resort, Kota Tinggi, Johor itu telah berlangsung selama 3 hari melibatkan seramai 3 orang petugas Jabatan yang dilantik sebagai Pegawai Pengawas dan Pemeriksa. Seramai 17 orang peserta telah berjaya menjalani kursus berkenaan yang turut memperlihatkan peningkatan kompetensi peserta dapat dipertingkatkan. Syabas dan tahniah kepada semua yang telah menjayakan kursus berkenaan.



BACAAN DOA SELAMAT DI BANGUNAN BAHARU LEMBAGA DIUS API (LDA)



18 Januari 2024 - Dalam mendapatkan keberkatan dan mengukuhkan aspek kerohanian khususnya untuk mendiami bangunan baharu LDA, satu sesi bacaan doa selamat telah dianjurkan di surau bangunan baharu LDA. Tn. Hj. Azudin Bin Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Kawalan Industri Maritim telah mengetuai bacaan doa selamat yang telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JLM. Semoga dengan bacaan doa selamat tersebut, segala perkara yang tidak diingini dapat dijaui.

PERHIMPUNAN BULANAN IBU PEJABAT LAUT JABATAN LAUT MALAYSIA



18 Januari 2024 – Perhimpunan bulanan merupakan salah satu platform untuk menghimpunkan seluruh warga kerja JLM khususnya di Ibu Pejabat Laut. Melalui perhimpunan bulanan ini YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, telah menyampaikan hasrat dan amanat kepada seluruh warga JLM di Ibu Pejabat Laut dan pegawai-pegawai yang hadir.



Perhimpunan pagi ini merupakan momen bersejarah kerana ianya merupakan program rasmi jabatan yang pertama diadakan di bangunan baharu Lembaga Dius Api. Di dalam amanat yang disampaikan oleh YBr. Ketua Pengarah Laut, beliau turut menceritakan sejarah JLM dimana banyak iktibar boleh dihayati oleh seluruh warga JLM khususnya kepada pegawai yang hadir ke perhimpunan tersebut.

Perhimpunan diteruskan dengan simbolik penyerahan dokumen siap kerja oleh En Nordin bin Mohamad in selaku Ketua Pasukan Projek kepada YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed selaku pengerusi Lembaga Dius Api (LDA). Sesi ini merupakan titik penanda dimana bangunan LDA telah siap dibina sepenuhnya.



YBr. Kapten Mohamad Halim turut menyampaikan anugerah tokoh ICT kepada En Rizal bin Roslin, Penolong Pegawai Laut Kanan, JLM Wilayah Labuan di atas penglibatan aktif serta sumbangan dalam aktiviti ICT di peringkat JLM. Antara pengisian lain majlis ini adalah pemakluman pegawai yang bertukar keluar, pegawai yang telah dinaikkan pangkat dan sesi taklimat khas berkenaan Ex Gratia Kematian dan Ex Gratia Terbitan oleh pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.



SESI LIBAT URUS DI ANTARA NEGARA ANGGOTA ASEAN DENGAN PASUKAN PERUNDING BAGI PROJEK *SUSTAINABLE SHIP WASTE MANAGEMENT (SSWM)*

23 Januari 2024 - Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menerima kunjungan daripada En. Jens Peter Oehlenschlaeger dan En. Pham Thanh Truong selaku pasukan perunding yang telah dilantik oleh *Expertise France* untuk mengetuai Projek ASEAN Sustainable Ship Waste Management (SSWM) yang telah berlangsung di Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia dan Northport (Malaysia) Berhad, Pelabuhan Klang. Kunjungan pasukan perunding telah disambut oleh En. Nordin bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Perancangan), JLM.

Projek SSWM merupakan kesinambungan daripada keputusan Mesyuarat ASEAN Maritime Transport Working Group (MTWG) kali ke-44 yang telah bersidang di Da Nang, Vietnam pada bulan Mei 2023 dalam merangka satu mekanisma yang terbaik bagi mengurus sisa buangan daripada kapal. Sesi selama 2 hari tersebut turut melibatkan pembentangan daripada jabatan dan agensi yang mempunyai bidang kuasa berkaitan pengurusan sisa buangan di Malaysia. Antara jabatan dan agensi yang hadir adalah Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Klang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Lembaga Pelabuhan Klang, Institut Maritim Malaysia, Northport (Malaysia) Berhad dan Alam Flora Environmental Solutions.

Pasukan perunding turut berkesempatan mendengar taklimat dan membuat lawatan tapak ke *Port Reception Facility (PRF)* yang telah dibangunkan di dalam kawasan pelabuhan Northport (Malaysia) Berhad.

Malaysia merupakan salah satu negara anggota ASEAN yang sentiasa komited dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi memastikan objektif Projek SSWM ini dapat dicapai.



KUALA LINGGI INTERNATIONAL PORT (KLIP) TIDAK AKAN TERKESAN DENGAN RANCANGAN JAMBATAN DARAT DI THAILAND

23 Januari 2024 - YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) bersama-sama En. Hairizam bin Albukhari, Pengarah, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah dan pegawai-pegawai JLM yang lain menghadiri Majlis Upacara Pecah Tanah *Kuala Linggi International Port (KLIP)*, di Kuala Linggi, Melaka Bandaraya Bersejarah. Projek KLIP yang bernilai RM 115 billion dijangka akan mewujudkan sehingga 10,000 peluang pekerjaan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Ketua Menteri Melaka juga menyatakan KLIP sebagai sebuah pelabuhan perkhidmatan (*service port*), bukannya pelabuhan perdagangan tidak akan terkesan dengan rancangan Thailand untuk membina pelabuhan dan jambatan darat yang memintas laluan perkapalan di Selat Melaka kerana kewujudan KLIP adalah untuk melengkapi peranan pelabuhan sedia ada dan dipilih mengikut kesesuaian serta keperluan pelabur yang menggunakannya memandangkan KLIP berada di lokasi strategik perkapalan utama antara Asia, Eropah dan Timur Tengah.



LAWATAN KERJA YB LOKE SIEW FOOK, MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA KE PELABUHAN KUDAT, SABAH



25 Januari 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Pelabuhan Kudat, Sabah. Ketibaan YB Menteri telah disambut oleh YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM). Lawatan kerja dimulakan dengan taklimat berkenaan prospek laluan feri penumpang bagi pelancongan yang telah disampaikan oleh Encik Daar bin Biskai@Adam Malik, Pengarah Laut Wilayah, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sabah dan wakil daripada Sabah Port Sdn. Bhd. Pada lawatan sama, YB Menteri Pengangkutan turut dibawa meninjau ke kawasan Terminal Penumpang Kudat. Lawatan kerja ini mencerminkan komitmen kerajaan persekutuan untuk mencari potensi laluan pelancongan dari Kudat, Malaysia ke Palawan, Filipina.



KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN

26 Januari 2024 – Sempena Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2024 yang telah dirasmikan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri Wilayah Persekutuan pada 13 Januari 2024 di Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JLMWPL) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Peringkat JLMWPL pada 26 Januari 2024 (Jumaat) sejajar dengan hasrat menyokong kempen tersebut dan menyemarakkan lagi semangat cinta akan negara di kalangan warga JLMWPL khususnya. Turut hadir bersama Pengarah Laut Wilayah Labuan, Encik Alimuddin bin Amirudin dalam program berkenaan dan bersama-sama dengan warga JLMWPL bergotong-royong memasang bendera di sekitar kawasan pejabat. Program ini mendapat sambutan yang positif dikalangan warga JLMWPL.

KOMITMEN MALAYSIA DALAM IMO 10TH SESSION OF THE SUB-COMMITTEE ON SHIP DESIGN AND CONSTRUCTION (SDC 10)



26 Januari 2024 – Malaysia menunjukkan komitmen yang kukuh terhadap kemajuan piawaian maritim dengan menyertai secara aktif di Mesyuarat SDC10 yang secara khususnya membincangkan perkara-perkara mengenai reka bentuk dan pembinaan kapal. Malaysia telah diwakili oleh En Mohd Fairoz bin Rozali, En Izzat Baihaqi bin Abu Bakar, En Mohamad Najdi Naim Mohd Tarmizi dan Kdr. Ir. Dr. Arman bin Ariffin. Kehadiran Malaysia di dalam SDC10 pada kali menunjukkan kesungguhan negara dalam meningkatkan kemajuan khususnya dalam aspek teknikal industri maritim. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat kali ini adalah perkara berkaitan reka bentuk kapal, pembinaan, kestabilan, keselamatan dan proses ujian serta kelulusan pembinaan kapal sejajar dengan visi strategik Malaysia untuk meningkatkan keupayaan maritim di peringkat global. Dengan penyertaan aktif dalam SDC 10, Malaysia berhasrat untuk menyumbang kepada formulasi piawaian antarabangsa, pertukaran pengetahuan dan mengukuhkan kedudukannya sebagai pemangkin bertanggungjawab dan berpengetahuan dalam sektor maritim. Penyertaan ini tidak hanya mencerminkan komitmen Malaysia untuk kekal di barisan hadapan dalam kemajuan reka bentuk dan pembinaan kapal, malah menegaskan tekad negara untuk berkolaborasi di peringkat antarabangsa.

PROGRAM WALK WITH KETUA PENGARAH LAUT



1 Februari 2024 - Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM), Ibu Pejabat Laut dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Ibu Pejabat Laut (KSKIPL) telah menganjurkan Program *Walk with* Ketua Pengarah Laut. Program ini merupakan salah satu aspirasi daripada YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia selaras dengan Teras 1 Agenda Nasional Malaysia Sihat untuk mempromosi pembudayaan hidup sihat secara bersepadu dan meluas demi kesejahteraan mental dan fizikal warga kerja Ibu Pejabat Laut. Ketua Pengarah Laut turut mengambil bahagian dalam aktiviti berjalan kaki ini sejauh 1 kilometer. Menurut beliau, program ini dianjurkan bagi menggalakkan warga kerja Jabatan Laut Malaysia khususnya golongan yang kurang aktif dalam melakukan aktiviti fizikal untuk menjadi lebih cergas, bagi menjamin kesihatan mental dan fizikal yang baik.

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TENGAH DAN SESI *TOWNHALL* BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)



1 Februari 2024 - Perhimpunan Bulanan dan Sesi *Townhall* ini telah diadakan di Auditorium Blok C, Ibu Pejabat Laut yang telah dihadiri oleh YBr. Kapten Abdul Samad Bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) dan diiringi oleh En. Hairizam Bin Albukhari, Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah, Leftenan Kolonel Bersekutu (PA) Raja A/L Chinaya@Sinniah, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Laut dan En. Lim Fung Vui, Ketua Bahagian Operasi, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah. Perhimpunan bulanan yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JLM Wilayah Tengah ini juga menyaksikan penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah kerana telah mencapai Prestasi 100% Pembayaran Bil Dan Tuntutan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Sepanjang Tahun 2023. Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim, JLM Wilayah Tengah juga menerima Sijil Penghargaan kerana telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati ISO/IEC 27001:2013. Sesi *Townhall* telah berjaya dijalankan dengan kakitangan dan pegawai melontarkan beberapa soalan secara lisan dan sebanyak sebelas (11) soalan yang dikumpulkan secara bertulis telah diutarakan di dalam sesi ini.

PROGRAM "KELUARGA KITA TANGGUNGJAWAB KITA - GENG SURAU JOM TIDUR SURAU"



2 Februari 2024 – Ahli Jawatankuasa Kwarters Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan (JLMWS) dan Ahli Jawatankuasa Surau As-Sakinah telah menganjurkan Program Keluarga Kita Tanggungjawab Kita – Geng Surau Jom Tidur Surau. Program ini merupakan satu program kekeluargaan berkonsepkan 'Khemah Ibadat' yang menjadikan surau adalah tempat perkembangan aktiviti harian dan rekreasi penduduk dan lebih mesra kepada penghuni serta anak-anak kakitangan kuarters JLMWS. Program ini merupakan salah satu aspirasi Kerajaan Negeri Johor yang menganjurkan 'Semarak Subuh Johor' di setiap masjid dan surau di seluruh Johor sepanjang tahun 2024 dan menjadi inisiatif dalam strategi memperkukuhkan tabdir urus syiar Islam khususnya di Johor. Aktiviti santai ini menggalakkan penglibatan penghuni kuarters dan anak-anak dengan mengambil pendekatan keharmonian dalam kekeluargaan.

KUNJUNGAN YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN KE MV SABIK JABATAN LAUT MALAYSIA W.P. LABUAN



3 Februari 2024 – YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, telah berkunjung dan menaiki bot katamaran MV Sabik milik Jabatan Laut Malaysia W.P Labuan bersama delegasi Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pengarah JPJ Sarawak. YB Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia bersama delegasi berkesempatan merasai pelayaran bersama MV Sabik bermula dari Terminal Pejabat Laut Limbang untuk melawat kawasan dan meninjau aktiviti penduduk setempat di sungai dan laut serta beberapa projek yang sedang dalam perancangan untuk pembangunan Parlimen Limbang. YB Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia dan delegasi turut dibawa melawat pelampung pandu dibawah seliaan Lembaga Boaya dan Api Sarawak.

JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR MEMPERGIATKAN PENGANJURAN KURSUS *MATE DOMESTIC* TERBUKA



4 Februari 2024 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur telah menganjurkan kursus *Mate Domestic* Terbuka hasil kolaborasi bersama *Ranaco Education & Training Institute* yang telah diadakan di Tanjung Demong Beach Resort, Besut, Terengganu pada 18 Disember 2023 sehingga 24 Disember 2023 dengan kehadiran seramai 48 peserta dari komuniti maritim di daerah Besut, Terengganu. Peperiksaan lisan juga telah dijalankan pada 30 hingga 31 Januari 2024 dan kesemua peserta lulus dalam peperiksaan lisan tersebut.

Kursus ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan komuniti maritim tempatan dan seterusnya meningkatkan pematuhan berkaitan undang-undang maritim yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia. Selain itu, kursus ini juga memberi peluang kepada pemegang *Certificate Of Competency (COC) Mate Domestic* Terhad untuk meningkatkan kecekapan dan menaik taraf ke *COC Mate Domestic* Terbuka. Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penganjuran dan pengendalian kursus ini.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, TAKLIMAT PEMANTAPAN TATAKELOLA MENANGANI RASUAH & KETIRISAN DAN IKRAR BEBAS RASUAH JABATAN LAUT MALAYSIA

5 Februari 2024 – Majlis Perhimpunan Bulanan, Taklimat Pemantapan Tatakelola Menangani Rasuah & Ketirisan dan Ikrar Bebas Rasuah Jabatan Laut Malaysia telah diadakan di Auditorium Aras 5, Menara Dius Api, Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM). Majlis tersebut merupakan anjuran Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) dengan kerjasama Unit Integriti (UI) Ibu Pejabat Laut.

Pada Majlis Perhimpunan Bulanan ini, YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Malaysia, menggesa warga kerja JLM untuk terus meningkatkan mutu kerja dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh selaras dengan hasrat kerajaan.

Pada majlis sama, Ketua Pengarah Laut telah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Unit Pengurusan Kewangan dan Akaun Amanah (UPKAA) dan Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) atas pencapaian 100% pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari sepanjang tahun 2023.

Lafaz Ikrar Bebas Rasuah juga telah dizahirkan oleh warga kerja JLM yang diketuai oleh Ketua Pengarah Laut diikuti dengan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang disaksikan oleh YBhg. Timbalan Pesuruhjaya Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor. Lafaz Ikrar dan tandatangan Ikrar Bebas Rasuah ini merupakan bukti warga JLM komited dalam memerangi rasuah.






Foto Sekitar Majlis Ikrar Bebas Rasuah JLM

LAWATAN TEKNIKAL OLEH WAKIL *UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UNESCAP)* KE IBU PEJABAT LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA



8 Februari 2024 - YBr. Kaptan Abdul Samad Bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi), Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menerima kunjungan dan lawatan teknikal oleh wakil daripada UNESCAP iaitu Mr. Fedor Komitlitsyn, Mr. Sooyeob Kim dan Commander Ang Chin Hup. Lawatan teknikal ke JLM adalah bertujuan untuk melakukan perkongsian berkenaan peranan serta projek yang telah dilaksanakan oleh UNESCAP terutamanya di dalam projek berkenaan *autonomous shipping*. YBr. Kaptan Abdul Samad turut menyatakan kesediaan JLM untuk berkolaborasi bersama UNESCAP untuk melaksanakan projek perintis yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Wakil UNESCAP turut dibawa melawat ke pusat kawalan VTS Klang, Menara Dius Api bagi melihat keadaan pengoperasian *Vessel Traffic Services (VTS)* yang mengawal dan menyelia keselamatan pelayaran di Selat Melaka yang merupakan antara selat pelayaran yang sibuk. Hampir 80,000 buah kapal berlayar melalui Selat Melaka setiap tahun dengan pengawasan oleh petugas-petugas di pusat kawalan VTS Klang. Turut hadir bersama adalah Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua Unit dan pegawai dari Ibu Pejabat Laut JLM.

KOMITMEN MALAYSIA DALAM SESI KE-10 SUB-COMMITTEE ON HUMAN ELEMENT, TRAINING AND WATCHKEEPING (HTW10) IMO



9 Februari 2024 – Malaysia secara aktif mengambil bahagian dalam Mesyuarat HTW10, menunjukkan komitmen yang kuat dalam menyokong perbincangan yang berkaitan dengan elemen manusia, latihan dan pengawasan. Delegasi Malaysia terdiri daripada En. Mohd Fairoz bin Rozali, En. Izzat Baihaqi bin Abu Bakar, Ts. Dr. Julius Melvin Mobilik, Ts. Dr. Kapt. Manivannan Subramaniam, Kapt. Kenneth Khoo, Profesor Madya Dr. Md Redzuan Zoolfakar dan En. Mohd Faisol Saad. Manakala delegasi yang hadir secara hibrid terdiri daripada En. Mohd Nurrul Faiz Mohd Taib, Pn. Nur Farahin Mohd Zaid dan Kapt. Khalid Mohamad. Kehadiran Malaysia dalam mesyuarat tersebut menunjukkan keazaman untuk memajukan aspek teknikal industri maritim. Perbincangan tertumpu pada penyemakan menyeluruh Konvensyen dan Kod STCW untuk mengatasi cabaran dan kemajuan teknologi yang berkembang. Ini sejajar dengan matlamat strategik Malaysia untuk meningkatkan keupayaan pelaut secara global. Mesyuarat juga mengambil kira penyediaan latihan berasingan untuk pelaut yang bekerja di kapal yang menggunakan bahan bakar alternatif seperti bateri.

Mesyuarat menekankan kepentingan penyediaan latihan dan pendidikan yang mencukupi untuk membolehkan pelaut menyesuaikan diri dengan bahan bakar alternatif. Mereka menekankan keperluan pembangunan kursus dan program pensijilan baharu untuk melengkapi pelaut dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Selain itu, wakil delegasi mencadangkan pembentukan pangkalan data global untuk memantau dan menilai latihan dan pensijilan pelaut berkenaan dengan bahan bakar alternatif. Ini akan menyumbang kepada pemantauan yang lebih baik terhadap kesediaan pelaut untuk cabaran yang berkaitan dengan bekerja di kapal tersebut. Penyertaan aktif Malaysia dalam Mesyuarat HTW10 mencerminkan keinginannya untuk membentuk piawaian antarabangsa, menggunapakai amalan terbaik, dan menetapkan dirinya sebagai peserta yang bertanggungjawab dan berpengetahuan dalam industri maritim. Dengan kekal di barisan hadapan perkembangan latihan berkualiti, Malaysia mempamerkan komitmennya kepada kecemerlangan. Selain itu, penyertaan ini menunjukkan kesediaan Malaysia untuk berkolaborasi dengan negara lain untuk menyelaraskan amalan-amalan dengan piawaian global terkini.

MESYUARAT MAJLIS PERKAPALAN DAN PELABUHAN NEGARA (NSPC) SIRI 1/2024



16 Februari 2024 - YBrs. Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM), mempengerusikan mesyuarat sulung Jawatankuasa Penasihat 1 (AC1) di Ibu Pejabat Laut, Menara Dius Api, Jabatan Laut Malaysia, Pelabuhan Klang, Selangor. Majlis Perkapalan dan Pelabuhan Kebangsaan (NSPC), yang ditubuhkan pada 2018 di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), berazam untuk menguatkuasakan dan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk memperkukuh pelabuhan, perkapalan dan industri hiliran maritim. Untuk mencapai matlamat ini, terdapat enam Jawatankuasa Penasihat dalam NSPC, masing-masing bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif yang meliputi pelaut, perkapalan, aktiviti hiliran maritim dan pelabuhan. AC1 telah ditubuhkan khusus untuk menangani Penggajian Kapal Malaysia, dan JLM telah diberi penghormatan dan dilantik sebagai Organisasi Peneraju oleh MOT. AC1 terdiri daripada ahli dari kedua-dua sektor awam dan swasta, menghimpunkan pelbagai kepakaran. Dalam mesyuarat kali ini, keputusan Mesyuarat Hala Tuju Pembangunan Perkapalan Dan Pelaut yang diadakan pada 4 Oktober 2023 di Hotel Seri Pacific, KL, telah dibentangkan dan dibincangkan secara menyeluruh. Hasil daripada perbincangan tersebut menjadi asas untuk mengenal pasti pelan hala tuju jangka pendek, sederhana dan panjang, serta membincangkan pelaksanaan Dasar Industri Perkapalan Negara (DIPN).

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH LAUT KE ATAS KETUA PENGARAH KESELAMATAN NEGARA

19 Februari 2024 - YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengetuai delegasi daripada JLM ke sesi Kunjungan Hormat ke atas YM Datuk Raja Nushirwan Zainal Abidin, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kunjungan hormat ini diadakan adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan strategik antara JLM dengan MKN, serta membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan pelayaran di perairan Malaysia. Turut hadir dalam kunjungan hormat ini adalah Kapten Nazri bin Abu Hassan, Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran & Komunikasi Maritim, JLM, Pn Norhasliza binti Mat Salleh, Timbalan Setiausaha Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan pegawai-pegawai daripada MOT dan JLM.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH LAUT SERTA TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN KE TAPAK PEMBINAAN TANDARAH SUAR PULAU SIPADAN DAN PEJABAT LAUT

20 Februari 2024 - YBrs. Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM), mengiringi Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) ke tapak cadangan bagi pembinaan tandarah suar Pulau Sipadan. Lawatan kerja turut disertai oleh Encik Mohd Aidi bin Mohd Hussin, Setiausaha Bahagian Pembangunan MOT, Encik Daar Bin Biskai @ Adam Malik, Pengarah Laut Wilayah, JLM Wilayah Sabah, En Azwari bin Ismail, Ketua Unit Pembangunan JLM, serta pegawai-pegawai daripada MOT dan JLM.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan keadaan lokasi tapak di samping memastikan projek ini mematuhi keperluan yang digariskan di bawah *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority (IALA)*. Projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia ke 12.

Dalam sesi Lawatan Kerja Ketua Pengarah Laut ke Sabah, beliau turut mengambil peluang untuk melawat Pejabat Laut Semporna dan Pejabat Laut Tawau bagi beramah mesra dan menyelami suasana kerja serta cabaran-cabaran kerja yang dihadapi oleh kakitangan JLM di sana.



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH LAUT MALAYSIA DAN SESI TOWN HALL DI JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) WILAYAH SELATAN, GELANG PATAH, JOHOR

21 Februari 2024 - YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah berada di JLM Wilayah Selatan bagi tujuan lawatan kerja di samping menghadiri sesi *Town Hall* bersama warga JLM Wilayah Selatan. Lawatan kerja Ketua Pengarah Laut Malaysia itu dimulai dengan perhimpunan pagi yang menyaksikan seramai 30 orang pegawai dan kakitangan hadir berbaris di padang kawad Jabatan dan diikuti dengan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Wilayah serta sesi *Town Hall*.



Lawatan kerja kali ini turut disertai oleh Left. Kol. (PA) Raja a/I Chinaya @Sinniah, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang kedudukan dan keadaan kuarters Jabatan serta lokasi tapak cadangan pembinaan hangar *hovercraft*. Dalam sesi Lawatan Kerja ini, beliau turut mengambil peluang untuk melawat kolam latihan renang Jabatan. Uniknyanya lawatan kerja kali ini, Ketua Pengarah Laut Malaysia sempat beramah mesra dengan warga Jabatan dengan membonceng motosikal di sepanjang lawatan ini dijalankan.

HARI KECERGASAN JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA 2024



1 Mac 2024 – Hari Kecergasan Jabatan Laut Malaysia (JLM) Peringkat Wilayah Utara yang dilancarkan pada 01 Mac 2024 di Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, Pulau Pinang adalah kesinambungan dari Hari Kecergasan “Walk With Ketua Pengarah Laut” di Ibu Pejabat Laut pada 01 Feb 2024.

Pelancaran Hari Kecergasan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Perancangan), Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara iaitu En. Muhammad Shuhaimi bin Abd. Rahman yang juga menandakan bermulanya komitmen latihan kepada atlet-atlet JLM Wilayah Utara sebagai persediaan untuk mengharungi Sukan Dwi Tahunan Jabatan Laut Malaysia yang akan diadakan di Sabah nanti.

Selain daripada senamrobik, pelbagai acara sukan rakyat telah diselitkan yang mana objektif utama program ini ialah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan pelaksana dan pihak pengurusan terutamanya kakitangan dari Pejabat Laut Pulau Pinang, Kuala Perlis, Kuala Kedah, Langkawi dan Lumut.

PROGRAM SANTUNAN KOMUNITI SEMARAK MALAYSIA MADANI: KERJA BERSAMA MEMBENTUK PERSEFAHAMAN DALAM MENGEKALKAN KEBERSIHAN KAWASAN PERKUBURAN DI W.P LABUAN



1 Mac 2024 – Jabatan Laut Malaysia (JLM) W.P. Labuan bersama Jabatan Agama Islam (JAWI) W.P. Labuan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Laut Labuan (KSKL) dan kariah Kampung Patau-Patau 2 telah berganding bahu menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan melaksanakan pembersihan tanah perkuburan lama di Tanah Perkuburan Islam Patau-Patau 2.

Pihak JAWI memaklumkan tanah perkuburan lama ini sedang dalam proses untuk dibuka semula bagi kegunaan kariah di sini memandangkan masih terdapat ruangan setelah sekian lama ditinggalkan. En. Alimuddin bin Amirudin, Pengarah Laut Wilayah bersama pegawai dan kakitangan JLM W.P. Labuan turut hadir bersama.

Program sebegini bukan sahaja dapat menyantuni komuniti setempat malahan dapat menyemai sifat bekerjasama bagi memastikan tanah perkuburan dalam keadaan bersih dan selamat. JLM W.P. Labuan bersedia untuk menjalankan pelbagai kerjasama bersama pihak JAWI di samping pelbagai aktiviti kerohanian yang dapat dijalankan bersama.

KUALA LUMPUR SEA SCOUT MUSTER CAMP PERTAMA 2024

3 Mac 2024– Buat julung kalinya, Persekutuan Pengakap Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkolaborasi bersama Jabatan Laut Malaysia (JLM) bagi aktiviti Kuala Lumpur Sea Scout Muster Camp Pertama 2024 yang bertempat di Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN), Pulau Indah, Pelabuhan Klang pada 1-3 Mac 2024 bersama 65 peserta.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) pada 3 Mac 2024. Turut hadir di dalam majlis tersebut adalah Encik Nordin bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) merangkap Pengerusi Majlis Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan, Puan Rahayu binti Rajali, Pengarah MATRAIN, Presiden Peninsular Sailing Club dan Wakil Angkatan Pertahanan Awam Daerah Klang. Kem yang berlangsung selama 3 hari ini merupakan inisiatif untuk melatih ahli-ahli Pengakap Muda Laut dan Pengakap Remaja Laut seramai 65 orang bagi melengkapkan lencana Ahli Bot (Tingkatan 1), Juragan Muda (Tingkatan 2) dan Juragan (Tingkatan 3) serta Lencana Pengail dan Lencana Jurumudi (Tingkatan 4 dan 5).

Di samping itu, ahli-ahli pengakap ini dan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat juga diberikan pendedahan terhadap tradisi serta aktiviti kelautan secara teori iaitu taklimat kerjaya sebagai pelaut, pelajaran asas pengendalian bot serta teori dan praktikal mempelajari teknik-teknik memancing.

Semoga kerjasama ini dapat menjadi pengalaman yang bermakna serta ilmu ini digunakan untuk masa hadapan terutamanya pengetahuan praktikal asas penyelenggaraan bot gentian kaca (*fiberglass*) di MATRAIN dan mengendalikan bot layar di Marina Pulau Indah, JLM.



BENGKEL CADANGAN PENGUKUHAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI JABATAN LAUT MALAYSIA



6 Mac 2024 – YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menghadiri dan menyempurnakan perasmian Bengkel Cadangan Pengukuhan Semula Organisasi JLM yang diadakan di Wyndham Acmar Hotel, Klang. Bengkel yang diadakan pada 5-6 Mac 2024 ini bertujuan untuk menilai, memurnikan serta mempertimbangkan penstrukturan semula organisasi dan perjawatan berdasarkan kepada penyusunan fungsi serta peranan sektor, bahagian dan unit di JLM dalam melaksanakan fungsi dan peranan Jabatan.



Ketua Pengarah Laut dalam ucapan beliau menyeru peserta bengkel untuk memurnikan struktur organisasi supaya lebih praktikal dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif agar dapat merangsang produktiviti Jabatan. Puan Nur Irina Riyanti Binti Muhammad Nur, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pembangunan Organisasi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dalam ucapan beliau menyambut baik cadangan pengukuhan semula organisasi yang dilakukan oleh JLM.



Taklimat penstrukturan telah disampaikan oleh En. Saddam Husain bin Othman, Penolong Setiausaha Kanan, Unit Pembangunan Organisasi, BPSM, MOT. Pada hari kedua bengkel, para peserta meneliti dan menyemak semula agihan perjawatan agar menepati keperluan dalam pelaksanaan fungsi di bahagian-bahagian yang berkenaan. Tumpuan diberikan kepada bahagian yang terlibat dengan 'Core Business' JLM. Cadangan Pengukuhan Semula Struktur Organisasi JLM dijangka akan diangkat ke MOT dan seterusnya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



Bengkel selama dua (2) hari ini turut disertai oleh Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), Encik Nordin bin Mohamadin, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan), Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Unit dan Pegawai JLM.

LAWATAN TAPAK TITIK SEMPADAN MALAYSIA - BRUNEI



6 Mac 2024 - Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Sarawak bersama-sama dengan Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Jabatan Ukur Brunei Darussalam mengadakan lawatan tapak di titik sempadan Malaysia-Brunei yang mana sebuah alat bantuan pelayaran akan dibina di titik tersebut sebagai tanda sempadan antarabangsa kedua-dua buah negara. Turut serta bersama Pengarah Laut, JLM Wilayah Sarawak, En. Marzuki Bin Brahim dan pegawai teknikal Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP).

PASUKAN AUDIT SEMAK SILANG JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN KE JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TENGAH



6 Mac 2024 - Pasukan Naziran Semak Silang (PNSS) daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan telah melaksanakan Naziran Semak Silang di Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah pada 4 hingga 6 Mac 2024. Naziran ini bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat serta pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa disamping memastikan segala teguran yang telah dibuat oleh pihak Auditor diambil tindakan sewajarnya.

KETUA PENGARAH LAUT TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF AKADEMI LAUT MALAYSIA (ALAM)



14 Mac 2024 - Ketua Pengarah Laut, YBrs. Kapten Mohamed Halim bin Ahmed menerima kunjungan hormat dari Ketua Pegawai Eksekutif ALAM, YBrs. En. Eddie Ahmad Khodzali dan delegasi daripada ALAM.

Dalam kunjungan hormat ini, ALAM telah memberi taklimat berkenaan laporan aktiviti dan perkhidmatan sepanjang tahun 2023 serta memberi taklimat perancangan berkenaan aktiviti dan perkhidmatan Institut Latihan Maritim (ILM) untuk tahun 2024. ALAM turut berbincang berkenaan aspek latihan dan pendidikan maritim negara. ALAM merupakan salah sebuah ILM yang mempunyai akreditasi oleh JLM yang amat signifikan dalam melentur susur-galur profesionalisme kerjaya pelaut. Industri perkapalan negara dan global mengiktiraf pelaut-pelaut lulusan ILM tempatan. Selain menyokong proses pembangunan kerjaya tenaga kerja di arena kelautan, ILM turut menyumbang ke arah perkembangan sukatan latihan maritim.

MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN BINGKISAN BISKUT RAYA KEPADA PELAUT SEMPERA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024



27 Mac 2024 – PUSPANITA Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kolaborasi Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) telah menganjurkan Program Penyerahan Bingkisan Biskut Raya Kepada Pelaut sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2024. Turut membantu menjayakan program ini adalah *Malaysia Shipowner Association (MASA)*, *National Union of Seafarers of Peninsular Malaysia (NUSPM)* dan *International Transport Workers Federation (ITF)*.



Majlis Perasmian Bingkisan Biskut Raya ini telah disempurnakan oleh YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut merangkap penasihat PUSPANITA JLM. Program ini bertujuan untuk mengeratkan ukhwah diantara pegawai dan kakitangan JLM dalam menyantuni pelaut-pelaut Malaysia yang juga sebahagian daripada keluarga dan pemegang taruh JLM selain menjaga kepentingan dan kebajikan sosial pelaut serta memberi keyakinan kepada pelaut bahawa jasa dan keringat mereka tidak dilupakan, terutama sekali semasa mereka berada berjauhan daripada keluarga pada sambutan Aidilfitri nanti.



Pada majlis yang sama, Puan Rahimah binti Salleh, Pengerusi PUSPANITA JLM telah menyampaikan Bingkisan Biskut Raya kepada Pengarah-Pengarah Jabatan Laut Wilayah untuk diedarkan kepada pelaut-pelaut di wilayah masing-masing.



Pada 27 Mac 2024 (Rabu), Pengerusi PUSPANITA JLM bersama-sama ahli PUSPANITA Ibu Pejabat Laut dan ahli PUSPANITA JLM Wilayah Tengah telah menyerahkan Bingkisan Kuih Raya kepada pelaut yang bertugas di kapal MV Polaris, milik JLM. Bingkisan Biskut Raya juga telah disampaikan kepada pelaut-pelaut yang bertugas di kapal bendera Malaysia yang sedang merapat di Pelabuhan Barat dan kepada kakitangan JLM yang bertugas secara syif di Pusat Kawalan VTS (*VTS Control Center*) JLM.

Kita Ok!



#MALAYSIAMADANI
#JABATANPENERANGAN
#JAPENKINIDIGITAL

VETERAN ATM LAYAK BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

Seramai lebih 26 000 daripada 41 000 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen layak terima BSH RM300.

Bantuan ini telah mula disalurkan sejak September 2023. Kriteria yang melayakkan veteran ATM menerima BSH ini adalah seperti berikut:

- 01 : Bekas anggota tetap ATM.
- 02 : Bekas Tentera British yang berkhidmat di Malaya/ Malaysia atau Singapura termasuk Ranger di Sarawak.
- 03 : Bekas ahli Pasukan 136 dan bekas Askar Wataniah yang dikerah sepenuh masa (tanpa mengira tempoh perkhidmatan).
- 04 : Had umur adalah 60 tahun ke atas daripada golongan miskin tegar dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1169 (Pendapatan Garis Kemiskinan [PGK]).
- 05 : Tidak diberhentikan di bawah kes tatatertib.
- 06 : Balu yang berkahwin semula tidak layak.
- 07 : Anak yatim piatu hendaklah berumur kurang dari 18 tahun dan di bawah 21 tahun jika masih belajar. Jika cacat kekal, tiada syarat had umur.
- 08 : Faktor kesihatan atau penyakit yang menghalang pekerjaan (dengan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan), bilangan anak yang bersekolah atau melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga dipertimbangkan pemberian BSH.

Sumber : Buletin Kita Ok!

INFO!!

Tahukah Anda?

Secara purata, seramai 5000 orang anggota tetap Angkatan Tentera Malaysia meninggalkan perkhidmatan setiap tahun.



DAKWAAN PALSU OLEH PIHAK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAHAWA UNDANG-UNDANG SYARIAH DI MALAYSIA TERGUGAT

Pemimpin terlibat cuba memanipulasi fakta. Mahkamah Persekutuan menerusi alasan penghakiman menegaskan peruntukan yang dipertikaikan itu bukan ditetapkan oleh Allah sebaliknya hukuman takzir yang diamalkan oleh institusi kehakiman yang diputuskan menerusi penggubalan oleh ADUN untuk Mahkamah Syariah dan ahli parlimen bagi peringkat Mahkamah Sivil. Walau bagaimanapun Perlembagaan Persekutuan kekal menjadi undang-undang tertinggi negara. Justeru pembatalan 16 seksyen undang-undang syariah negeri Kelantan diputuskan kerana ia melangkaui bidang kuasa badan perundangan negeri. Sekiranya dibiarkan ia dikhuatiri menimbulkan konflik perundangan dan jenis hukuman.

Reaksi segera Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil terhadap tuduhan pihak tidak bertanggungjawab mengenai tuduhan perbuatan jenayah syariah berkaitan peruntukan yang dibatalkan dalam enakmen tertentu tidak lagi menjadi kesalahan jika dilakukan di negeri Kelantan, menyatakan ia berita palsu dan disahkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah.



Menurut jabatan tersebut, jenayah syariah yang dilakukan di Kelantan kekal menjadi kesalahan meski peruntukannya dalam enakmen negeri dibatalkan. Ini kerana pelakuan itu boleh dirujuk ke Mahkamah Sivil menerusi kanun keseksaan dengan hukuman lebih tinggi. Ini bermakna jenayah kekal jenayah dan pelakuan berkaitan tetap jadi kesalahan.

Sumber : Buletin Kita Ok!



MALAYSIA DI TANGGA KE-15 DUNIA DAN KE-3 DI RANTAU ASEAN DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MELALUI DIGITALISASI

Malaysia telah menunjukkan komitmennya terhadap pembangunan sosioekonomi melalui digitalisasi dan memastikan semua sektor sama ada perniagaan dan rakyat dapat menikmati manfaat daripada pendigitalan tersebut.

Negara telah berjaya mencapai peningkatan yang signifikan dalam pelbagai indikator digital sekali gus menunjukkan kemajuan dalam literasi digital dan akses internet.

Berdasarkan laporan Indeks Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2023 (IDI 2023) baru-baru ini, Malaysia kini berada pada kedudukan ke-15 dunia dan ketiga di rantau ASEAN.

Menerusi laporan itu juga, Malaysia diumumkan telah meraih skor sebanyak 94.5 mata daripada 100 mata, melepasi skor purata global iaitu 72.8 mata. Laporan ini menunjukkan pencapaian cemerlang negara ke arah mencapai sasaran kesalinghubungan sejagat yang bermakna buat semua rakyat Malaysia.

IDI 2023 MERANGKUMI 10 INDIKATOR, ANTARA PENCAPAIAN MALAYSIA:

01	Liputan sejagat bagi rangkaian mudah alih 4G/LTE.	Langganan jalur lebar mudah alih yang tinggi.	02
03	Harga lebih rendah untuk perkhidmatan jalur lebar tetap dan mudah alih.	Penggunaan internet yang tinggi.	04
05	Pemilikan telefon bimbit yang tinggi.	Trafik internet yang tinggi.	06

Sumber : Buletin Kita Ok!

INI KOPI KITA

PROGRAM BUAL BICARA SANTAI BERSAMA GENERASI MUDA

Program Ini Kopi Kita yang diketengahkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) ini berkonsepkan bual bicara santai bersama pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Program berdurasi antara 30 hingga 45 minit ini akan memulakan siaran pada 15 Februari 2024.

Program ini diadakan untuk membincangkan topik berkaitan dasar dan inisiatif Kerajaan MADANI di samping memupuk semangat patriotisme, keharmonian dan integrasi nasional dalam kalangan generasi muda.

Sebanyak enam episod akan disiarkan secara dalam talian menerusi semua platform media sosial Jabatan Penerangan Malaysia. Bual bicara yang menggandingkan dua orang panel daripada kalangan pemimpin kerajaan dan personaliti TV mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi dan penaja lokasi program iaitu Richiamo Sdn. Bhd.

PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH

Program MADANI Rakyat Zon Tengah merupakan kesinambungan daripada Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Disember 2023. Program ini memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk bersama memahami, melihat dan menilai dasar serta inisiatif baharu yang dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Masyarakat turut boleh mendapatkan perkhidmatan secara terus daripada kementerian-kementerian di peringkat persekutuan dan agensi-agensi di peringkat negeri sekali gus mengemukakan pandangan bagi menambah baik mutu perkhidmatan. Program peringkat zon tengah merangkumi negeri Selangor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Program ini memberi tumpuan kepada aktiviti berkaitan dengan pertanian dan keterjaminan makanan, program TVET serta program kesejahteraan rakyat. Turut diadakan jualan Agro dan Mega MADANI yang menawarkan potongan harga serta pameran aset-aset kerajaan juga disediakan untuk pengunjung. Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan program tersebut.



Sumber : Buletin Kita Ok!

PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT (HFMD)

TERUSKAN BERWASPADA



JANGKITAN

Disebabkan oleh Enterovirus iaitu majoritinya *Coxsackie Virus A16 (CA16)* dan *Enterovirus 71 (EV 71)*

Kontak secara langsung melalui **lelehan hingus, air liur, najis & cecair lepuh** dari orang yang dijangkiti

Kebiasaannya, menjangkiti kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah TETAPI orang dewasa juga boleh dijangkiti

TANDA GEJALA

- Demam
- Sakit kepala
- Hilang selera makan
- Ulser pada tekak, mulut & lidah
- Ruam dengan lepuh pada tangan, kaki & kawasan lampin



KOMPLIKASI

- Dehidrasi
- Jangkitan kuman pada otak dan selaputnya
- Keradangan otot jantung
- Masalah penglihatan atau buta
- Kematian



PENCEGAHAN

- Penjagaan kebersihan diri
- Amalan cuci tangan yang betul
- Penjagaan kebersihan persekitaran
- Saringan gejala di pintu masuk taska, tadika, tabika, pra-sekolah dan sekolah
- Jika anak bergejala, ibu bapa wajib mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan pastikan anak terus kekal berada di rumah



MAANFAT

- Memastikan penduduk di Malaysia yang layak, tidak tercicir daripada menerima bantuan dan perlindungan daripada pelbagai inisiatif kerajaan.
- Maklumat yang didaftarkan akan dikemas kini dalam tempoh 3 bulan bagi menentukan kelayakan individu menerima bantuan kerajaan.

BAGAIMANA MENDAFTAR AKAUN PADU?


- Menerusi portal <https://padu.gov.my>
- Pejabat Operasi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di negeri-negeri
- Pusat Ekonomi Digital (PEDI) berdekatan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Kad pengenalan
- Maklumat pekerjaan, akaun bank dan lain-lain
- Sekiranya pendaftaran tidak berjaya:
 - Hubungi 1-800-88-7720 (Talian MyGCC)
 - Kemukakan maklum balas di padu.spab.gov.my (SISPAA PADU)
 - Kunjungi Pejabat Operasi DOSM negeri

TERKINI!!

Pengguna yang ingin mendaftar dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) boleh membuat kemas kini maklumat tanpa melalui proses Kenali Pelanggan Anda menerusi Platform Digital (e-KYC). e-KYC hanya dilaksanakan setelah pengemaskinian maklumat dilakukan dan individu ingin membuat pengesahan dan perakuan penghantaran profil. Sebarang maklumat yang diisi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan ke dalam PADU. Hanya maklumat yang dikemukakan daripada pengguna yang telah berjaya membuat pengesahan e-KYC dikira sah.



INFO!!

ADAKAH PADU SAMA DENGAN PROGRAM ID DIGITAL NASIONAL (IDN)?

Tidak. PADU merupakan pangkalan data mengandungi profil penduduk warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia, manakala IDN merupakan sistem pengenalan diri secara digital bagi memudahkan individu mengakses dan melaksanakan urusan dalam talian.



Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) menjadi platform tunggal maklumat individu dan isi rumah sekali gus meningkat kecekapan pengagihan subsidi dan bantuan kepada rakyat yang benar-benar layak.

Tempoh tiga bulan pengemaskinian maklumat dalam Fasa 1 untuk membolehkan kerajaan memproses data berkenaan bagi menentukan kelayakan individu berdasarkan jenis bantuan kerajaan.

Ayuh daftar PADU menerusi pautan
www.padu.gov.my atau imbas Kod QR



Kenapa perlu daftar PADU?

Dengan mendaftar dan mengemaskini maklumat dalam portal ini, anda dapat memastikan diri anda tidak tercicir daripada menerima bantuan atau perlindungan sosial sekiranya layak.



Setakat 18 Januari 2024 jam 11.59 malam, jumlah individu yang telah berjaya mendaftar di sistem PADU adalah seramai **1 264 226** orang.

Sumber : Buletin Kita Ok! Bil. 3 Januari 2024



BAHAN - BAHAN:

Bahan-bahan:

- 20 ulas bawang putih
- 1/2 biji bawang besar
- Daun bawang
- 2 biji cili merah
- 500g udang
- 1/3 cawan tepung jagung
- Minyak masak
- 3 sb mentega
- 2 sb sos tiram
- 2 sb serbuk cili kasar
- Sedikit garam
- Sedikit serbuk lada sulah
- 1/2 sb gula

TIPS:

- Tips untuk bagi udang tak meletup bila goreng, tos kering udang ataupun salut dengan tepung jagung.
- Goreng udang sekejap saja dengan api yang besar, udang akan garing di luar tapi masih lembut di dalam dan tak terlebih masak.
- Kalau kulit udang bertukar menjadi warna putih maksudnya udang sudah masak.

Crispy Garlic Butter Prawn

CARA PENYEDIAAN:

Cara-cara untuk udang goreng

- Cincang halus bawang putih dan bawang besar.
- Potong memanjang atau racik halus daun bawang dan cili merah.
- Gunting bahagian tajam dan janggut udang, kemudian buang tali hitam belakang udang.
- Salut udang dengan tepung jagung dan garam.
- Goreng udang dengan api besar, angkat dan toskan minyak.
- Panaskan sedikit minyak (minyak goreng udang) dan mentega.
- Masukkan bawang putih cincang dan goreng sampai perang. Kemudian angkat dan ketepikan.
- Dengan minyak yang sama tumis bawang besar sampai lembut.
- Masukkan sos tiram dan serbuk cili kasar dan kacau sampai sebati.
- Masukkan udang goreng, garam, serbuk lada sulah (pilihan), gula dan bawang putih goreng. Kacau sampai bahan bergaul sebati.
- Hidang dan hias dengan hirisan cili merah dan daun bawang.

Sumber : Resepi Che Nom

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



YUSNAN BIN ABDUL RANI
Ketua Editor



Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR –EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

JABATAN LAUT MALAYSIA
Ibu Pejabat Laut, Menara Dius Api

PT 664, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my